



(21 mac 2021), kosmo, p. 4

Empat negeri catat empat kluster baharu, 10 kluster tamat

# Kes baharu atasi kes sembuh

Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI

**PUTRAJAYA** – Empat negeri iaitu Pulau Pinang, Johor, Sarawak dan Perak melaporkan kluster baharu semalam yang turut menyumbang kepada 1,671 kes harian negara.

Selepas sekian lama mengatasi kes harian, kes sembuh yang direkodkan semalam lebih rendah daripada kes baharu dengan 1,585 kes dan jumlah kumulatif kes sembuh sepenuhnya daripada Covid-19 sebanyak 316,042 kes.

Selangor melaporkan kes tertinggi sebanyak 652 kes dengan 496 kes daripada kluster-kluster dan saringan kontak rapat yang aktif dijalankan di lapangan, diikuti oleh Pulau Pinang sebanyak 328 kes dan Sarawak sebanyak 154 kes.

Terdapat empat kematian dilaporkan di Sabah, Selangor dan Kedah melibatkan dua lelaki dan dua wanita berusia antara 47 hingga 83 tahun dengan pelbagai latar belakang penyakit, menjadikan 1,229 kes kematian Covid-19 di Malaysia.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, sebanyak empat kluster baharu dilaporkan dengan dua daripadanya ialah kluster tempat kerja iaitu Klus-



**ANGGOTA** penguat kuasa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) melakukan rondaan berkala di kawasan Pasar Borong Kuala Lumpur semalam. – MUHAMAD IQBAL ROSLI

ter Teluk Air Tawar di Seberang Perai Utara dan Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang

"Sebanyak 33 kes positif dikesan dengan kes indeks bergejala serta melibatkan sebuah pusat pendidikan di Teluk Air Tawar,

Butterworth, Seberang Perai Utara.

"Kluster Perindustrian Pekan Nanas di Pontian, Johor dengan 39 kes pekerja sebuah kilang di Taman Perindustrian Pekan Nanas, Pontian," katanya dalam satu ke-

nyataan akhbar di sini semalam.

Beliau berkata, dua lagi kluster melibatkan komuniti iaitu Kluster Tanjung Genting di Meradong, Sarawak dengan 22 kes iaitu kes indeks bergejala dan nama kluster merujuk lokaliti penularan kes

## COVID-19

Angka terkini kes Covid-19 di Malaysia sehingga semalam

|                               | Jumlah         |
|-------------------------------|----------------|
| Kes baharu                    | 1,671          |
| Import:                       | 2              |
| Tempatan:                     | 1,669          |
| Pulih                         | 1,585          |
| Kematian                      | 4              |
| Masih dirawat                 | 14,442         |
| Jumlah kes sembuh             | 316,042        |
| Jumlah Kematian               | 1,229          |
| <b>Jumlah kes keseluruhan</b> | <b>331,713</b> |

di Tanjung Genting, Meradong.

Menurutnya, Kluster Pulau Pisang pula di Perak Tengah, Perak dengan 15 kes iaitu kes indeks bergejala dan nama kluster merujuk lokaliti penularan kes di Kampung Pulau Pisang, Bota, Perak Tengah.

Dalam pada itu, Noor Hisham berkata, 10 kluster tamat semalam iaitu Kluster Jalan Pasar, Kluster Jalan Bakawali Ramun, Kluster Kampung Hala, Kluster Jalan Tanjung Enam, Kluster Jalan Wawasan 14, Kluster Jalan Perusahaan Satu, Kluster Jalan Kuchai, Kluster Tapak Bina Seksyen Satu, Kluster Tapak Bina Persiaran Sepang dan Kluster Jalan Kewajipan menjadikan sebanyak 871 kluster ditamatkan.